



## “PAWAGAM SINAR”

### TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

#### A. TERMA-TERMA ASAS

1.	<b>Penganjur</b>	Astro Radio Sdn Bhd
2.	<b>Stesen Radio</b>	Sinar FM
3.	<b>Nama Peraduan</b>	Pawagam Sinar
4.	<b>Huraian Ringkas Peraduan/ Rancangan</b>	Pendengar perlu menjadi pemanggil terpantas untuk berpeluang memenangi tiket ke tayangan filem yang diadakan pada minggu tersebut.
5.	<b>Mekanisma ringkas Peraduan</b>	- Peserta hanya perlu menjadi pemanggil terpantas untuk berpeluang memenangi tiket ke tayangan filem yang diadakan pada minggu tersebut. - Para Peserta mesti mematuhi mekanisma Peraduan ini sepertimana diterangkan dan diberitahu kepada para Peserta oleh pihak Penganjur semasa Tempoh Peraduan.
6.	<b>Kriteria Kelayakan</b>	Peraduan ini dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 1 Januari 2017
7.	<b>Ketidaklayakan</b>	Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini: -  a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-Kontraktor Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Malaysia Holdings Berhad, anak syarikat dan syarikat bersekutunya, penaja-penaja, ejen-ejen, peniaga, pedagang atau mana-mana syarikat yang berkaitan dengan Peraduan ini dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik-beradik pihak-pihak tersebut;  b) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1000.00 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (30) hari sebelum Peraduan ini;  c) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1001.00 - RM5000.00 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (90) hari sebelum Peraduan ini;  d) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM5001.00 atau lebih daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (365) hari sebelum Peraduan ini.
8.	<b>Umur Kelayakan</b>	Peraduan ini adalah terbuka kepada semua penduduk Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 1 Januari 2017.
9.	<b>Caj</b>	Tertakluk kepada caj panggilan syarikat telekomunikasi masing-masing
10.	<b>Tempoh Peraduan</b>	1 Januari 2017 hingga 1 Januari 2018.  Pihak Penganjur mempunyai hak tunggal untuk mengubah, menangguh atau menukar Tempoh Peraduan atau mana-mana tarikh yang berkenaan
11.	<b>Bahasa Peraduan</b>	Bahasa Malaysia
12.	<b>Prosedur Penyertaan</b>	a) Jadi pemanggil terpantas di talian 03-9543 2000 untuk menjadi peserta selepas isyarat memanggil di mainkan untuk berpeluang memenangi tiket tayangan filem yang dipromosikan  Pihak Penganjur berhak untuk meminta salinan asli Kad Pengenalan/ Sijil Surat Beranak atau salinan asli dokumen-dokumen sokongan yang lain untuk tujuan pengesahan dan pengiktirafan.
13.	<b>Tarikh Tutup Penyertaan</b>	1 Januari 2018
14.	<b>Cara Penghantaran</b>	Melalui panggilan telefon ke talian 03-9543 2000

15.	<b>Alamat</b>	Astro Radio Sdn Bhd, All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur
16.	<b>Pemilihan Pemenang</b>	Pemenang Peraduan akan dipilih berdasarkan panggilan terpantas dengan jawapan yang betul
17.	<b>Hadiah</b>	Pas ke tayangan filem yang sedang dipromosikan  Penganjur berhak untuk menambah atau mengurangkan hadiah yang ditawarkan bergantung kepada promosi-promosi yang dijalankan
18.	<b>Pemberitahuan Pemenang Peraduan</b>	Pengumuman akan dilakukan sebaik sahaja segmen peraduan tamat dan akan dimaklumkan melalui sms atau panggilan telefon
19.	<b>Tempoh Pengambilan Hadiah</b>	Akan diumumkan oleh pihak penganjur
20.	<b>Tempat Pengambilan Hadiah</b>	Akan diumumkan oleh pihak penganjur
21.	<b>Terma-terma tambahan, jika ada</b>	<p><b>TALIAN TERCICIR DAN TIDAK DAPAT DIHUBUNGI</b></p> <p>Peraduan melalui panggilan telefon</p> <p>Tiada liabiliti ditanggung oleh pihak Penganjur untuk komunikasi telefon yang tidak baik, salah arah / salah menelefon atau kesukaran teknikal yang dialami oleh pemanggil semasa panggilan masuk untuk Peraduan.</p> <p>Jika semasa dalam Peraduan: -  a) talian telefon terputus atau terganggu; atau  b) terdapat pertikaian yang timbul daripada penggunaan talian-talian telefon di dalam Peraduan (termasuk di dalam situasi di mana telefon berbilang talian adalah digunakan); atau  c) dua talian telefon terlintang semasa Peraduan; atau  d) juruhebah tidak mendengar apa-apa maklum balas yang jelas daripada pemanggil.</p> <p>Peraduan melalui aplikasi Instagram  Pastikan aplikasi Instagram anda adalah "Open to public" dan tidak "Private" untuk membolehkan penganjur melihat gambar tersebut dan menghantar pesanan kepada anda.</p> <p>Pihak Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya membatalkan kelayakan pemanggil atau pemanggil-pemanggil yang berkaitan atas apa-apa jua sebab, dan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa pemberian Hadiah kepada pemanggil atau pemanggil-pemanggil tersebut, dan boleh memberikan Hadiah kepada orang lain mengikut budi bicara mutlaknya.</p> <p>Sekiranya Pemenang memerlukan pengeluaran semula cek untuk Hadiah, RM50.00 akan ditolak daripada nilai Hadiah, melainkan pengeluaran semula itu adalah disebabkan oleh kecuaihan, kesilapan dan/atau kesalahan pihak Penganjur.</p> <p>Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik atau ditukarkan dengan wang tunai dan mesti diterima seperti yang ditawarkan.</p> <p>Keputusan para pengadil adalah muktamad. Sebarang perihal surat-menyurat tidak akan dilayan.</p> <p>Pihak Penganjur berhak untuk menukar Terma dan Syarat tanpa sebarang notis.</p> <p>Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan nyawa atau kerosakkan harta benda yang dialami sepanjang perjalanan pergi-balik pemenang.</p> <p>Pihak Penganjur berhak untuk mencetak atau mempamerkan maklumat dan gambar pemenang untuk sebarang tujuan pengiklanan promosi atau mengumumkan nama pemenang dalam media cetak atau elektronik.</p> <p>Peserta dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat peribadi beliau yang dinyatakan di dalam borang peraduan adalah benar dan lengkap.</p>

		<p>Peserta dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada Penganjur untuk memproses apa-apa maklumat peribadi beliau dan menyerahkan hak yang sama kepada mana-mana rakan kongsi perniagaan berkaitan yang sedia ada atau yang akan datang atau perikatan strategik dan / atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Penganjur mengikut budi bicara mutlak yang disifatkannya perlu atau suai manfaat untuk tujuan pemasaran dan promosi produk dan perkhidmatan.</p> <p>Peserta dengan ini juga mengesahkan bahawa peserta telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma-terma Notis Privasi Astro Radio Sdn Bhd and bersetuju bahawa data peribadi peserta diproses seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi.</p>
--	--	--

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** akan mengikat peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("**Peserta**"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan secara tanpa syarat oleh para Peserta.